

ADAT PERKAHWINAN MASYARAKAT MELAYU PERLIS MERISIK

Oleh : ABDUL GHANI ON

Di kalangan masyarakat Melayu, perkahwinan merupakan satu perkara terpenting dalam kehidupan mereka. Perkahwinan juga merupakan satu proses hidup yang mesti dilalui oleh semua orang, baik lelaki atau perempuan tanpa mengira taraf dan darjat.

Perkahwinan yang teguh dan harmonis sewajarnya menjadi idaman setiap lelaki dan wanita. Melalui perkahwinan yang harmonis wujud keluarga bahagia yang dapat membina personaliti ahli-ahlinya serta meningkatkan kesihatan mental mereka. Walaupun perkahwinan itu penuh dengan cabaran dan rintangan, namun tidak ada bentuk perhubungan di antara manusia yang lebih berkesan selain daripada perkahwinan dalam memberi kestabilan jiwa. Dengan lain perkataan, manfaat perkahwinan itu amat berharga dan ia masih unggul sebagai institusi sosial.

Dalam memilih jodoh, Islam memberikan bimbingan kepada umatnya yang ingin memilih pasangan hidup yang sepadan. Ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW bahawa wanita itu dikahwini kerana empat perkara iaitu kekayaannya, kecantikannya, keturunannya serta agamanya. Ini jelas menunjukkan bahawa di dalam memilih jodoh, aspek agama merupakan perkara yang paling utama. Sedangkan perkara lain dipilih setelah memperhatikan aspek agama terlebih dahulu kerana perkahwinan bukanlah semata-mata untuk mencapai kesenangan dunia, melainkan untuk mencapai kesejahteraan zahir dan batin untuk dunia dan akhirat. Perkahwinan juga bermatlamat menjaga keselamatan agama dan akhlak bagi anak-anak dan keturunan.


Menurut pandangan masyarakat Melayu, perkahwinan merupakan satu tahap sejarah dalam hidup seseorang. Perkahwinan adalah sesuatu yang murni, anugerah Ilahi untuk membina sebuah mahligai yang harmoni. Perkahwinan juga bertujuan membentuk komuniti kecil dalam sesebuah rumah tangga selain memenuhi keperluan naluri manusia sebagai suami dan isteri. Kerana itu, perkahwinan perlu dirancang, supaya segala upacara dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya. Keizinan orang tua perlu dipinta dan restu daripada mereka perlu diperolehi. Adat istiadat perlu dilalui dan adat berkampung mesti dihormati.

Dalam masyarakat moden sekarang, pemuda atau gadis bebas memilih pasangan masing-masing. Pertemuan di antara mereka juga terjadi tanpa melalui banyak rintangan, sama ada di tempat kerja, di pusat membeli-belah atau sebagainya. Perkahwinan atas dasar 'pilih sendiri' ini sedikit sebanyak boleh melangkaui adat istiadat kelaziman perkahwinan yang biasanya dilakukan. Walaupun demikian, dalam masyarakat yang masih lagi memegang teguh pada adat, pertemuan di antara pasangan lelaki dan perempuan sukar terjadi. Sukar untuk menjalin hubungan di antara kedua-dua pihak kecuali melalui orang perantaraan sebagai penghubung, lebih-lebih lagi untuk mengetahui hal diri kedua-dua belah pihak.

Langkah awal yang biasa dilakukan oleh seseorang dalam proses perkahwinan ialah 'merisik'. Apabila seorang pemuda tertarik hati pada seorang gadis yang tidak dikenali

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis

dan ingin memperisterikannya ataupun timbul keinginannya untuk beristeri maka masalah pemilihannya diserahkan kepada kedua ibu bapa.



Adat Perkahwinan “Upacara Merisik”

Bagi tujuan tersebut, seorang wakil diperlukan dan biasanya terdiri daripada seorang perempuan yang telah berumur, amanah dan dipercayai. Amalan merisik ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat tentang diri gadis yang hendak dikahwini. Ianya untuk mengetahui sama ada gadis itu sudah mempunyai atau belum, termasuklah akhlak, tingkah laku, perangai, kesopanannya terhadap orang tua dan lain-lain lagi. Ciri-ciri lain yang wujud pada diri gadis tersebut juga dipertimbangkan bagi menilai diri gadis itu. Dan yang paling dititikberatkan adalah didikan agama, latar belakang kehidupan serta keturunannya.



Haji Bakar Haji Abdullah

Saya berkesempatan menemubual Tuan Haji Bakar Bin Haji Abdullah, 56 tahun dari Kampung Simpang Sanglang, Perlis. Menurut beliau, untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang seseorang gadis, wakil yang diamanahkan tadi akan merisik kepada jiran-jiran yang tinggal sekampung dengan gadis tersebut. Dengan cara ini, latar belakang kehidupan gadis itu serta keluarganya akan diketahui. Kadangkala wakil tadi akan bertandang ke rumah gadis tersebut seperti tetamu biasa tanpa menjelaskan tujuan kedatangannya yang sebenar. Kedatangan yang tidak diduga ini adalah lebih baik untuk mendapatkan maklumat sebenar mengenai latar belakang gadis itu, lebih-lebih lagi kalau ia berkesempatan bertemu dan berbual-bual dengan gadis itu sendiri.

Ada juga, ibu pemuda itu sendiri dengan ditemani oleh seorang atau dua orang wanita lain secara tidak diatur datang ke rumah gadis tersebut. Alasannya, kalau di rumah gadis itu ada keluarganya yang sakit, maka mereka datang untuk menziarahi si pesakit atau sekiranya keluarga gadis itu mempunyai dusun, mereka berpura-pura mencari buah-buahan. Sesetengahnya ada oemuda yang sanggup bersusah-payah bersembunyi di sebalik pokok-pokok pisang untuk mengintai gadis itu mandi di perigi atau di sungai. Ianya hanya bertujuan untuk melihat dengan lebih jelas lagi kecantikan gadis tersebut. Sesuai seperti petua orang tua “*kalau hendak melihat kecantikan seorang gadis, lihatlah ketika dia sedang mandi*” jelas Tuan Haji Bakar lagi.

Seterusnya beliau menerangkan , jika menurut petua orang tua semasa pihak wakil tiba di rumah gadis tersebut didapati dia sedang mandi atau menjinjing air dari sungai atau perigi, ini merupakan suatu petanda baik. Gadis itu amat sesuai dengan bakal lelaki yang hendak dijodohkan dengannya dan dianggap ‘serasi’, kerana air adalah sejuk dan sejuk adalah lambang kedamaian. Ini bererti kalau pasangan itu dijodohkan, mereka akan hidup dengan aman dan bahagia serta kekal. Sebaliknya jika didapati gadis itu sedang menyapu sampah di halaman rumah atau sedang memasak, keadaan sebaliknya dipercayai akan terjadi. Menyapu hingga ke halaman rumah bererti menolak rezeki atau tuah. Manakala api yang panas adalah lambang persengketaan. Jadi, gadis tersebut dianggap tidak sesuai. Kalau pasangan ini dijodohkan, hidup mereka dipercayai tidak aman, sering berlaku pergaduhan atau pertengkaran yang akhirnya mungkin membawa perceraian. Tambah beliau lagi, bagi sesetengah orang, petua menentukan hari juga masih dipegang dan diamalkan sebelum melakukan sesuatu upacara yang dianggap penting termasuk urusan perkahwinan. Sesetengah orang mempunyai langkah tertentu untuk memulakan tugasnya. Hari Isnin, Khamis dan Jumaat adalah hari yang baik untuk tujuan tersebut. Kalau sesuatu urusan yang penting dilakukan pada hari tersebut, dipercayai akan mendapat natijah yang baik. Sekiranya upacara merisik dilakukan pada salah satu dari hari tersebut, maklumat sebenar mengenai latar belakang gadis dan keluarga tersebut akan mudah diperolegi. Kalau ciri-ciri yang diperlukan itu wujud pada diri gadis tersebut, maka urusan merisik, meminang dan urusan berikutnya akan menjadi mudah.

Seperkara lagi, sekiranya semasa dalam perjalanan ke rumah gadis tersebut berlaku sesuatu kejadian yang boleh dianggap ganjil seperti seekor biawak atau seekor ular melintas jalan, kayu besar merintang jalan atau tanah runtuh menyekat jalan ataupun wakil yang hendak pergi merisik itu terjatuh atau tergelincir dengan tidak semena-mena, maka ini adalah satu petanda yang tidak baik. Semuanya ini merupakan petanda bahawa perkahwinan yang sedang dirancang itu akan berakhir dengan kegagalan atau kekecewaan. Sesuatu yang buruk akan berlaku sekiranya pasangan tersebut disatukan juga.

Dalam keadaan begini, tujuan untuk merisik itu lebih baik dibatalkan sahaja. Walau apapun, semua yang berlaku adalah atas kehendak Tuhan. Kita hanya mampu merancang, tetapi Allah SWT yang menentukan, jelas Tuan Haji Bakar mengakhiri perbualan.

Walaupun bagaimanapun, petua atau pantang larang seumpama ini berbeza di antara satu tempat dengan tempat yang lain. Malah dalam masyarakat tertentu, petanda, petua atau pantang larang seperti ini hanya difahami dan diikuti oleh sesetengah orang sahaja. Masih ramai lagi masyarakat yang tidak tahu atau tidak mempedulikannya langsung. Manakala di sesetengah tempat, pantang larang, petanda atau petua-petua seperti yang dijelaskan telah dilupakan.

RUJUKAN

*Amran Kasimin – Istiadat Perkahwinan Melayu.
Satu Kajian Perbandingan. DBP, Kuala Lumpur, 1989.*